

# UMP bangun aplikasi indeks kebersihan air

UM (1k/10) Rabu 23/1/13 ms26

KUANTAN 22 Jan. - Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam (Cerrm), Universiti Malaysia Pahang (UMP) sedang membangunkan aplikasi bagi menentukan indeks kebersihan air secara automatik untuk kemudahan masyarakat umum.



Pengarahnya, Dr. Wan Faizal Wan Ishak berkata, pembangunan aplikasi itu yang dikenali sebagai Indeks Kualiti Air (IKA) kini sudah berada di fasa terakhir.

"Pada pertengahan Mac ini, aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma oleh pengguna *iOS Operating System* (Ipad dan iPhone) di seluruh dunia menerusi App Store manakala bagi operasi sistem lain seperti Android dijangka siap akhir tahun ini.

"Kemampuan aplikasi ini bukan sahaja dapat membantu penyelidik dalam kajian mereka malah dapat mendidik masyarakat mengenal pasti tahap kualiti air sungai di negara ini," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Menurut Dr. Wan Faizal, IKA adalah standard yang kebiasaannya digunakan agensi alam sekitar



**WAN Faizal Wan Ishak (kanan) menerangkan kepada Daing Nasir Ibrahim mengenai aplikasi IKA di Kuantan, baru-baru ini.**

seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengukur kebersihan dan kualiti bekalan air yang boleh digunakan untuk kegunaan domestik, akua-kultur atau pengairan.

"Aplikasi ini akan membantu menentukan secara automatik kelas kualiti air dengan mengambil kira beberapa nilai parameter terpilih menerusi sistem pengumpulan data," jelasnya.

Malah katanya, aplikasi itu juga akan dapat mengenal pasti kese-

suaian air sama ada menepati standard bacaan bagi tujuan kegunaan rekreasi ataupun memerlukan rawatan konvensional serta rawatan intensif.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Cerrm yang memulakan usaha pembangunan aplikasi itu sejak pertengahan tahun lalu mendapat maklum balas positif daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).